

# Pelajar SMU hasilkan buku mengenai Perlembagaan

**APAKAH** perbezaan antara kuasa pemerintah, parlimen dan kehakiman yang termaktub dalam Perlembagaan Singapura?

Mungkin tidak ramai yang tahu akan hal ini; begitu juga dengan peranan sebenar Presiden yang Dipilih seperti yang digariskan dalam Perlembagaan.

Untuk tujuan itu, sekumpulan mahasiswa dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU) telah menghasilkan sebuah buku panduan mengenai Perlembagaan Singapura dan konsep di sebaliknya.

Buku bertajuk *The Singapore Constitution: A Brief Introduction* (Perlembagaan Singapura: Satu Pengenalan Ringkas) setebal 41 halaman itu dit-



**CIK HALIMAH YACOB:**  
Lancarkan buku 'The Singapore Constitution: A Brief Introduction'.

ulis dengan cara yang mudah difahami ramai.

Berucap di majlis pelancaran buku itu semalam,

Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob, berkata usaha meningkatkan pemahaman penduduk terhadap Perlembagaan negara penting – lebih-lebih lagi dengan minat yang semakin meningkat terhadap wacana politik.

"Parlimen ialah simbol utama demokrasi di Singapura, tetapi berapa ramaikah yang tahu apa yang kami lakukan?" kata Cik Halimah.

Penyunting buku itu, pelajar tahun empat Sekolah Undang-Undang SMU, Encik Dierdre Grace Morgan, berkata idea bagi menghasilkan buku tersebut tercetus pada 2011 apabila penulisnya sedar bahawa ramai tidak memahami un-

dang-undang awam.

Waktu itu, pilihan raya presiden sedang berjalan, dan beliau memerhatikan ramai yang membincangkan kanya dalam talian kurang faham peranan presiden dipilih.

Antara pelajar SMU yang terlibat dalam projek itu termasuk Cik Mayumi Soh, Encik Mohamed Irshad, Encik Timothy Edmund Cheah, Encik Gerald Soo, Cik Alison Liew dan Encik Patrick Tay.

Buku itu boleh didapatkan secara percuma di [www.smuapolitical.com](http://www.smuapolitical.com).

SMU juga telah mencecah 1,000 naskhah untuk diagihkan kepada sekolah dan perpustakaan awam.